

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PELAWAAN MEMBERI MAKLUMAT

Universiti Sains Malaysia mempelawa petender yang berkelayakan untuk mengemukakan maklumat:-

TIG/RFI/24/BJIM/U/01 : **PELAWAAN MEMBERI MAKLUMAT : PROJEK PEMBANGUNAN TANAH REKREASI UNIVERSITI (TRU) UNTUK KEPERLUAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA DI ATAS SEBAHAGIAN TANAH H.S.(D) 19412, LOT PT4057, MUKIM 13, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.**

Kelayakan : i) Berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**.
ii) Berdaftar dengan **CIDB gred G7**.

Tarikh Tutup RFI : **13 Jun 2024 (Khamis), Jam 12.00 Tengah hari.**

Tarikh Dokumen Dijual : **23 Mei 2024 hingga 6 Jun 2024.**

Harga Dokumen : **RM100.00 (Senaskah)** dalam bentuk *softcopy* boleh dibayar melalui akses kepada laman web e-payment (<https://epayment.usm.my/>) dengan klik kepada **perkhidmatan jualan borang tender**.

Tarikh & Tempat Taklimat : **23 Mei 2024 (Khamis), Jam 10.00 Pagi.**
Bilik Mesyuarat 1, Bangunan E42 Canselori 2 , Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Syarat RFI

- i) Pembida **DIWAJIBKAN** menghadiri **taklimat**.
- ii) Dokumen hanya dijual kepada pembida yang telah menghadiri sesi taklimat sahaja. Hanya **penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor & Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** sahaja yang **boleh menghadiri sesi taklimat**.
- iv) Syarikat hendaklah beroperasi **sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dan berkompentensi serta berpengalaman** dalam pembinaan.
- v) Keutamaan kepada syarikat yang mencatatkan **keuntungan untuk tiga (3) tahun** terakhir sebelum RFI dikemuka.

Syarat Permohonan Dokumen Softcopy : Dokumen RFI (*softcopy*) boleh didapati melalui permohonan di <https://usmprism.usm.my/седt/?td=TIG/RFI/24/BJIM/U/01> dengan wajib melengkapkan maklumat syarikat dan mengemukakan secara atas talian dokumen seperti berikut:

- i) Resit / Bukti Pembayaran melalui sistem e-payment yang telah dibuat. **(Sebarang tuntutan semula bagi pembelian dokumen tidak akan dikembalikan).**
- ii) Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- iii) Sijil Pendaftaran dengan CIDB gred G7 dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK).

- Syarat Penghantaran Dokumen** :
- i) Penghantaran Dokumen Tawaran RFI dalam bentuk ***hardcopy & softcopy (pendrive)*** yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor RFI, Nama RFI dan dimasukkan sendiri ke dalam peti tawaran di **Seksyen Perolehan, Jabatan Bendahari, Bangunan C04, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang.**
 - ii) Petender dibenarkan untuk menghantar dokumen tawaran RFI melalui pos berdaftar/kurier. Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba dan dimasukkan ke dalam peti tender pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup tender selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Petender yang tidak mendapat sebarang maklum balas atau jawapan selepas empat (4) bulan dari tarikh tutup RFI adalah dianggap tidak berjaya.

*** Pihak Universiti berhak menerima kesemua atau sebahagian dari tawaran RFI tersebut dan tidak terikat untuk menerima tawaran RFI yang terendah atau mana-mana RFI.**